

Program Intervensi Krisis dan Kaunseling Menangani Krisis

Oleh: Pn. Wan Saniah Wan Yahya

Unit Kaunseling & Kerjaya, JHEPA dengan kerjasama Persatuan Kaunseling Malaysia telah menganjurkan program berkenaan pada 25 Januari 2011. Program satu hari tersebut telah berlangsung di Dewan Kuliah Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik. Program berkenaan telah dihadiri oleh seramai lebih kurang 80 orang peserta yang terdiri dari kaunselor-kaunselor, dan pegawai-pegawai tadbir dari pelbagai agensi di seluruh Malaysia. Sesi ceramah dan bengkel telah disampaikan oleh Y.Bhg Dr. Nadiyah Eliyas dari Jabatan Psikologi dan Kerja Sosial Universiti Utara Malaysia.

Sepanjang program berkenaan, para peserta telah diberi pendedahan mengenai teknik-teknik dan kemahiran yang boleh digunakan bagi membantu klien menangani krisis yang dihadapi dalam hidup mereka. Di samping itu, peserta juga turut didedahkan mengenai perbezaan diantara proses kaunseling biasa dan Intervensi krisis dimana dalam kaunseling Intervensi krisis melibatkan kes-kes yang berkaitan dengan krisis yang berlaku dalam kehidupan mereka dalam tempoh yang singkat. Sebagai contoh, klien yang terlibat dalam trauma, kematian ahli keluarga terdekat, mangsa rogol, perceraian dan sebagainya.

